



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada Penyebutharga yang berdaftar dengan CIDB di dalam bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa untuk menyertai sebutharga berikut :

No. Sebutharga	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tarikh Tutup Sebutharga
INSPEN/SH/05/2022	SEBUTHARGA KERJA-KERJA BAIKPULIH SISTEM AUTOMASI SUPERVISORY CONTROL AND DATA ACQUISITION (SCADA) UNTUK PENCAWANG ELEKTRIK DI INSTITUT PENILAIAN NEGARA, PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN	Berdaftar dengan CIDB Gred G2 di bawah Kategori Mekanikal (ME) Pengkhususan M23 Sistem SCADA dan Telemetri berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (CIDB) Serta Beralamat di Pendaftaran di Negeri Selangor	Kehadiran taklimat tapak tidak diwajibkan kepada pihak kontraktor. Sila menghubungi di Talian 03-89118800 (En. Azman atau En. Nor Mohd Radzie) bagi maklumat lawatan tapak secara fizikal.	01/04/2022 (Jumaat) jam 12.00 Tengahari Tawaran yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan

2. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi mulai 25 Mac 2022 hingga 1 April 2022 semasa waktu pejabat di Unit Perolehan, Tingkat 6, Blok Pentadbiran, Institut Penilaian Negara Persiaran INSPEN, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan dengan mengemukakan Sijil Pendaftaran ASAL, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan ~~Sijil Taraf Bumiputera ASAL~~. Sesalinan DOKUMEN SEBUTHARGA (dalam bentuk softcopy format PDF) akan diberikan secara percuma selepas pihak kontraktor mendaftar di kaunter Unit Perolehan.

3. Sebutharga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sah sepenuhnya hendaklah dilakri dan ditaip/ditulis Tajuk Sebutharga dan No. Sebutharga tanpa sebarang pengenalan kontraktor dengan dakwat yang tidak luntur di sudut sebelah atas kiri sampul surat dan dialamatkan kepada:

PENGARAH

INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)

JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, PERSIARAN INSPEN

43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

4. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disebutkan di atas pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, pada tarikh tutup sesuatu Sebutharga tersebut. Sebutharga yang diterima selepas tarikh dan masa Sebutharga ditutup adalah dikategorikan sebagai Sebutharga lewat dan ditolak sepenuhnya serta tidak akan dipertimbangkan. Bukti pos tidak diterima sebagai bukti penerimaan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang risiko dan kos yang perlu atau akan dihadapi oleh Penyebut harga bersabit dengan proses Sebutharga ini.

5. Lawatan tapak semasa adalah atas tanggungjawab Penyebut harga sendiri untuk melawat tapak dan menilai jumlah harga kerja / bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan. Sebarang kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat adalah menjadi risiko Penyebut harga sendiri dan pihak Kerajaan tidak akan menanggung apa apa juga kerugian/perbelanjaan terhadap kos bersabit dengan perkara tersebut. Syarat-syarat Khas Sebutharga seperti di dalam Arahan Kepada Penyebut harga adalah muktamad dan wajib dipatuhi bagi memastikan keseragaman setiap Sebutharga. **Pihak pembida dikehendaki** memaklumkan dahulu Unit Pengurusan Harta & Fasiliti INSPEN sebelum memasuki premis INSPEN dengan menghubungi En. Azman Bin Ismail atau En. Nor Mohamad Radzie bin Ismail di talian 03-89118800 (waktu pejabat). Peraturan memakai penutup mulut , dan lengkap Vaksinasi COVID-19 sahaja dibenarkan untuk melawat tapak.

6. Pembida yang berjaya tetapi gagal melaksanakan kerja sebutharga ini dengan sempurna disebabkan alasan kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat akan disenarai hitam oleh Pengarah Institut Penilaian Negara dan akan dimaklumkan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan juga Kementerian Kewangan Malaysia.

7. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang Sebutharga terendah atau mana-mana Sebutharga lain serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana – mana Sebutharga yang ditolak/tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan. Keputusan Lembaga Perolehan Sebutharga